

Keselamatan pekerja perlu diutamakan

BH - 5 AUG 1994

KUALA LUMPUR, Khamis - Pelabur asing yang memin-dahkan teknologi mereka ke negara ini harus mengutamakan ciri-ciri keselamatan dan kesihatan pekerja, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semua peralatan, bahan dan teknologi yang dibawa masuk oleh mereka mestilah selamat digunakan serta diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa.

Beliau menegaskan, dalam keghairahan negara menarik pelabur asing, kerajaan sentiasa menitikberatkan ciri keselamatan dan kesihatan pekerja.

"Sementara kerajaan mengambil pelbagai langkah ke arah itu, majikan sendiri

mesti sedar mereka akan mengalami kerugian jika soal keselamatan dan kesihatan pekerja tidak diberi keutamaan.

"Majikan harus beringat bahawa jika kemalangan berlaku, mereka akan mengalami kerugian disebabkan produktiviti mereka terjejas dan terpaksa menanggung kos lain.

"Selain kos, kualiti juga akan terjejas jika tempat kerja itu bermasalah, khususnya tidak mempunyai ciri keselamatan dan kesihatan," katanya berucap melancarkan Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 1994, di sini hari ini.

Sempena kempen bertema-kan Ke Arah Budaya Kerja

Selamat dan Sihat itu, beliau menyampaikan Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Industri Besar) kepada Syarikat Hitachi Semi-Conductor (M) Sdn Bhd, Pulau Pinang dan Anugerah Tokoh Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada bekas Ketua Pengarah Jabatan Kilang dan Jentera, Abdul Jalil Mahmud.

Hadir sama ialah Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek dan timbalannya, Datuk M Mahalingam.

Dr Mahathir berkata, semua pihak termasuk ibu bapa, sekolah dan institusi pengajian tinggi perlu menanam kesedaran mengenai pentingnya aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan agak kecewa kerana dalam usahanya meningkatkan taraf keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, isu berkaitan piawaian buruh dibangkitkan oleh negara maju serta mengaitkan klausa sosial dengan perdagangan antara-bangsa.

Menurutnya, negara-negara terbabit cuba memaksa negara membangun patuh kepada klausa sosial ciptaan mereka.

"Bukanlah niat kita untuk mengeksploitasi pekerja tetapi hakikatnya ialah klausa sosial hanya akan menambah kos pengeluaran tanpa membawa manfaat yang lebih

LIHAT MUKA 2

Keselamatan pekerja perlu diutamakan

DARI MUKA 1

kepada pekerja.

"Jika kos kita meningkat, barangan kita tidak akan dapat bersaing dengan barangan mereka.

"Akhirnya industri kita tidak akan berkembang dan peluang kerja tidak bertambah," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia kini menjadi syurga bagi pekerja dan perangkaan menunjukkan lebih sejuta rakyat asing datang bekerja di negara ini.

Bagi pekerja tempatan sendiri, katanya, peluang kerja begitu banyak sehingga mereka boleh memilih kerja yang disukai, manakala majikan terpaksa menawar upah yang semakin tinggi.

"Dalam keadaan ini, pekerja mendapat keuntungan tanpa tindakan perusahaan dan merosakkan jentera pengeluaran atau mengurangkan daya pengeluaran," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun pekerja di Barat mendapat gaji tinggi, kos sara hidup berkali ganda lebih tinggi menyebabkan upah yang diterima mereka tidak mencukupi.

Selain itu, katanya, ramai yang menganggur dan bergantung kepada bayaan saraan kerajaan semata-mata.

Ini bermakna pekerja Malaysia berada dalam kedudukan lebih baik berbanding di Barat.